

Oleh SHAHBULAH DARWI

10 pelajar UUM terima sumbangan RM1,000 seorang

13/5/2005 26:1

SINTOK 12 Mei - Seramai 10 pe-

lajar cemerlang Universiti Utara Malaysia (UUM) yang kurang berkemampuan menerima sumbangan sebanyak RM1,000 seorang bagi membantu meringankan beban kewangan mereka sepanjang pengajian di universiti tersebut.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, **Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ahmad**, sumbangan daripada penderma ikhlas itu menunjukkan bahawa rezeki yang diturunkan Allah bukan milik insan itu sepenuhnya, tetapi turut dikongsi bersama orang lain.

Beliau berkata, pelajar yang menerima sumbangan itu harus menggunakan pemberian tersebut sebaik mungkin bagi meningkatkan lagi tahap kecermerlangan.

dalam pelajaran kelak bukan menyalurkanannya kepada sesuatu yang tidak berfaedah.

"Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan masalah kewangan pengajian yang tinggi yang ditanggung pelajar," katanya ketika berucap sebelum menyampaikan bantuan kepada pelajar berkenaan di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Praktikum UUM, **Prof. Madya Dr. Shahrizan Hassan** yang mewakili pihak penderma yang tidak mahu dikenali itu memberitahu, pemberian sumbangan itu adalah sebagai amal jariyah yang dilakukan untuk kedua ibu bapa penderma yang telah meninggal dunia.

Dalam pada itu, penerima sumbangan, **Hassan Abdullah**, 24, bersyukur kerana masih ada insan yang berhaii mulia dan ikh-

las membantu pelajar yang kurang berkemampuan seperti ini.

Pelajar tahun dua yang mengambil jurusan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antara-bangsa itu memberitahu, sumbangan tersebut akan memberi makna yang besar dan sinar baru untuknya dalam meneruskan kehidupan dan pengajian di universiti.

"Saya berasa bertuah apabila terpilih kerana jika diharapkan bantuan ibu bapa mungkin saya tidak dapat meneruskan pengajian ini," kata anak ketujuh daripada lapan adik beradik itu.

Jelas Hassan, bapanya kini tidak bekerja kerana lumpuh se-paruh badan akibat penyakit buah pinggang manakala ibunya pula hanya mengambil upah menjaga anak jiran.

Hassan berkata, untuk menampung pembelajaran, dia bekerja separuh masa semasa cuti semes-

ter kerana tidak mahu menyudahkan dan menambahkan beban keluarganya.

Beliau yang bercita-cita menjadi usahawan berjaya itu berkata, bantuan itu akan disimpan khusus untuk digunakan bagi pembelajaran dan keperluan sehariannya di pusat pengajian.

"Dengan sumbangan ini saya berjanji akan melakukan yang terbaik demi masa depan dan saya tidak akan menghampankan harapan insan yang sudi menghulurkan bantuan ini," katanya yang berasal dari Gombak, Kuala Lumpur ini.

Seorang lagi pelajar, **Aniza Abu Samah**, 22, pula memberitahu, sumbangan yang diterima akan digunakan sebaik mungkin untuk tujuan pembelajaran.

Anak kepada pasangan pesara tentera dan penjual nasi lemak itu berkata, sumbangan berkena-

an sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban keluarnya.

"Ramai lagi adik-beradik saya yang masih belajar dan memerlukan wang yang banyak. Jadi sebolehnya, saya tidak mahu terus membebankan ibu bapa saya," kata anak kedua daripada tujuh adik-beradik itu yang juga memperoleh bantuan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Aniza yang merupakan pelajar tahun tiga, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pentadibiran Perniagaan) itu berkata, wang sumbangan tersebut akan diperuntukkan untuk membeli buku-buku pelajaran.

Manakala **Rosmasni Md Isa**, 21, berpendapat sumbangan itu kena pada masanya memandangkan perbelanjaan pembelajaran

di universiti ada kalanya tidak mencukupi walaupun dia mendapat pinjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pelajar tahun dua program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) itu juga berharap ada lagi pihak yang sudi menghulurkan bantuan bagi membolehkan pelajar kurang berkemampuan seperti ini meneruskan pengajian.

Rosmasni yang berasal dari Sekinchan, Selangor itu sebolehnya tidak mahu membebankan bapanya yang hanya seorang petani dan dia akan cuba berjimat-cermat dengan wang pinjaman yang diperolehi itu.

"Saya berbangga dengan pihak pengurusan universiti yang sentiasa mengambil berat kebajikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan," kata anak kedua daripada 11 adik-beradik itu.

11/12/05/2005/26:1/13/5/2005/26:1/13/5/2005/26:1/13/5/2005/26:1